

AMANAH, PUNCA KEMULIAAN

Qalam dengan gemarnya menerima sebuah makalah lagi karangan al-Faḍil Kiyai ‘Abdul Rahman Bandung, seperti tajuk yang tertera di atas menggambarkan sifat-sifat amanah dan kemuliaan dari segenap seginya dan menggambarkan masyarakat aman damai yang sentiasa diperjuangkan oleh Islam.

(Oleh Kiyai ‘Abdul Rahman Bandung)



Junjungan kita Nabi Muhammad ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam telah menggambarkan masyarakat dan pergaulan yang baik dengan suatu riwayat yang indah. Demikian ertinya:

Seorang lelaki telah membeli sebidang tanah daripada rakannya. Ia (pembeli) telah menjumpai dalam tanahnya itu sebuah tempayan yang berisi emas. Lalu berkata kepada rakannya itu: Ambillah emas kepunyaan engkau ini, sesungguhnya aku hanya membeli tanah dan tidak membeli emas daripadamu. Rakannya pula menjawab: Sebenarnya aku telah menjual tanah kepadamu beserta dengan apa yang di dalamnya.

Rasulullah bersabda lagi (meneruskan ceritanya): Keduanya telah pergi mendapatkan seorang lain (hakim). Hakim itu pun bertanya: adakah kamu berdua mempunyai anak? Salah seorang daripada keduanya mengaku ada mempunyai seorang anak lelaki. Yang lainnya mengatakan dia mempunyai seorang anak perempuan. Hakim itu pun berkata: kahwinkan anak lelaki kepada anak perempuan dan belanjakanlah setempayan emas itu buat keperluan kamu berdua dan bersedekahlah dengan sebahagiannya. (H.S.Muslim).

Cerita yang demikian ini kerap kali kita baca di dalam

buku-buku bacaan kanak-kanak dan banyak orang yang telah membaca dan mendengarnya, akan tetapi tidak banyak dari lingkungan Islam yang mengetahui bahawa cerita ini puncanya daripada Rasulullah (S.A.W).

Memang sungguh sederhana isi kandungan cerita itu yang mengandungi tamsil ibarat dan umat mudah difahamkan. Tetapi kalau kita menungkan dan tafakur dengan lebih dalam nescaya akan terbongkarlah beberapa hikmah yang lebih besar nilai dan harganya daripada tempayan yang penuh dengan emas tadi.

Rasulullah meriwayatkan cerita ini bukan hendak melukiskan masyarakat lain-lain umat yang tidak percaya kepada Allah atau pun imannya palsu, tetapi riwayat ini ialah lukisan dan gambaran yang mesti ditiru dan dijadikan pedoman oleh orang Islam.

Sebelum orang membina sebuah gudang yang besar dan indah, maka terlebih dahulu mereka membuat gambarnya dan gambar itu menjadi pedoman, sehingga semua tukang tidak berani memotong kayu atau memasang batu kecuali setelah ia melihat

(sambungan pada muka 31)

(Sambungan daripada muka 13)

gembira itu. Demikian juga orang yang hendak belayar ke lain negeri atau pulau sudah tentu mereka mesti berpandu kepada peta bumi supaya jangan tersesat.

Begitu pula umat Islam terhadap hadis Rasulullah (S.A.W) di antaranya hadis yang diterakan di atas sewajibnya kita memandang bahawa gambaran tersebut adalah suatu pedoman yang wajib diturut. Kalau tidak, ia akan tersesat, dan menjadi Islam hanya dalam perasaan dan pengakuan belaka.

Akhlik dua orang yang tersebut di dalam hadis itu ialah akhlak kita sebagai umat Islam. Kita adalah wajib berlaku jujur dan amanah dan menjauhkan diri daripada barang-barang yang haram walaupun pada lahirnya memberikan keuntungan yang sangat besar.

Si pembeli tanah itu tidak merasa untung atau gembira dengan emas yang harganya jauh lebih besar daripada wang yang ia serahkan kepada tuan punya tanah yang asal. Sebab ia tidak membeli emas, tetapi membeli tanah dan tidak layak dengan jumlah yang ia berikan itu mendapat keuntungan yang besar. Ia mengerti punca kemuliaan hakiki bukan zat emas, dan perak atau lain-lain benda. Tetapi kemuliaan, ketenteraman lahir dan batin ialah sikap soleh dan jujur dalam pergaulan hari-hari.

Persaudaraan lebih besar harganya daripada harta benda, lebih baik emas itu lepas daripada tangannya daripada terlepas tali persaudaraan. Apa gunanya emas walau sebesar gunung kalau dalam pergaulan dipandang orang sebagai orang jenayah atau jahat.

Si penjual tanah itu pula tidak berani mengakui yang emas itu kepunyaannya, sebab dia tidak mengetahui bahawa dalam tanah itu ada emas, dan yakin bahawa emas itu bukan dari usahanya dan bukan pula warisnya dan pemberinya. Oleh itu ia tidak mahu menerimanya bahkan ia katakan emas itu kepunyaan si pembeli, sebab tanah itu terjual dengan segala apa yang ada di dalamnya.

Mereka berdua pergi menghadap hakim bukan kerana hendak memiliki harta itu, tetapi mereka mahu lepas daripada benda yang syubhah, yang tidak halal, yang tidak menjadi ketenteraman batin dan tidak pula menjadi kemuliaan yang hakiki sebab cara mendapatnya tidak halal. Jadi nyata sekali bahawa bersikap soleh dalam mua'āmalah dan pergaulan itulah yang membawa kepada ketenteraman lahir batin.

Mereka pergi kepada hakim, bukan kerana hendak merampas harta kawan, atau mengharap supaya benda itu jadi miliknya, tetapi kerana hendak meminta supaya hakim menjelaskan siapa yang berhak memiliki emas itu menurut hukum yang halal.

Hakim pun menguatkan supaya tali persaudaraan lebih berharga dan terpelihara, lalu diperintahkan supaya kedua rumah tangga itu disatukan, dengan jalan mengahwinkan anak mereka berdua dan diperintahkan supaya harta itu dibelanjakan oleh mereka berdua, kerana tidak dapat diketahui siapa tuan punyanya yang asal, kerana emas itu termasuk di antara benda-benda yang terpendam di dalam tanah.

Tidak cukup dengan menguatkan persaudaraan antara dua buah rumahtangga sahaja, tetapi diperintahkan supaya sebahagian daripada harta itu dinafkahkan kepada lain-lain orang, disedekahkan supaya menjadi anugerah dan rahmati bagi semua.

Barang yang sudah ada dalam tangannya dan sudah ada dalam kekuasaannya, ia tidak berani memakainya sebelum terang dan jelas bahawa barang itu halal hukumnya. Bukan kerana takut kepada manusia tetapi kerana takut melanggar yang haram, yang akibatnya merosakkan persaudaraan yang menjadi punca keamanan, dan ia mengerti bahawa kemuliaan itu bukan daripada zat benda-benda tetapi dalam cara mengusahakannya.

Dalam didikan puasa, misal dari riwayat ini dapat dirasakan dan dibuktikan, bagaimana dalamnya iman dan *Ruh al-Imaan* daripada orang yang sungguh-sungguh beriman. Sebab mereka tidak berani makan dan minum, walau makanan

dan minuman tersedia di rumahnya. Hak dan kepunyaannya bukan kerana takut kepada jiran dan kawan, tetapi kerana iman dan percaya bahawa makan dan minum itu haram dan membatalkan puasa.

Iman yang seperti itu, bukan hanya pada bulan puasa sahaja, tetapi mesti diamalkan pada tiap-tiap hari, dalam pergaulan mu'amalah dengan sesama manusia, sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah (S.A.W) dalam riwayat ini.

Harta memang punca kekuatan. Islam tidak melarang mengumpulkan harta. Sahabat-sahabat Nabi banyak yang kaya, antaranya 'Abdul Rahman Ibnu 'Auf termasuk golongan *millionaire*, akan tetapi ia memandang bahawa harta itu ialah amanah Allah, ia tidak mencarinya melainkan dengan jalan yang halal dan ia tidak berani menggunakan hartanya terkecuali dalam perkara-perkara yang berfaedah kepada masyarakat dan yang direhdayai oleh Allah. Begitu pula halnya khalifah 'Umar yang pada tangganya ada kekuasaan, dan ada berjuta-juta dinar, tetapi hidup seperti manusia biasa. Ia tidak berani memakai kekuasaannya itu kecuali dalam hal-hal yang direhdayai Allah, dan berguna bagi umum.

Dalam riwayat ini juga diterangkan, bahawa harta itu tidak hanya untuk mereka berdua tetapi selebihnya daripada yang dihajatkan hendaklah disedekahkan, dan dengan ini nyata sekali bagaimana Islam memelihara persaudaraan dan pergaulan mu'amalah hari-hari supaya menjadi bahan bagi keselamatan dunia dan akhirat.

Oleh kerana kebanyakan manusia memandang harta sebagai satu alat untuk mencapai segala tujuan, dan mereka menyangka bahawa harta itu berkekalan – abadi (*yahsabu anna mālahu khaladuhu*) maka mereka tidak memikirkan halal dan haram, tidak menghargakan persaudaraan dan ukhwah, sebab segala kerugian itu mereka sangka dapat ditebus dengan harta kekayaannya.

Kalau semua manusia mengerti apa yang dinamakan kemuliaan tentu semuanya merasa bahawa dirinya mulia sebab tidak ada

seorang pun yang mengerjakan sesuatu pekerjaan atau memperjuangkan satu urusan, kecuali merasa bahawa pekerjaannya itu adalah mulia: atau mencari bahan kemuliaan.

Akan tetapi tidak semuanya kemuliaan yang dikhayalkan dalam fikirannya betul-betul satu kemuliaan, tetapi ada kalanya gambaran khayalnya itu tidak sesuai dengan apa yang sebenarnya. Sehingga sehina-hina pekerjaan terasa olehnya seperti semulia-mulia pekerjaan dan perbuatan.

Membakar kampung, merampas harta orang, dan membunuh sesama manusia kerana ia merasa bahawa yang demikian itu adalah satu kemuliaan dan satu kehormatan di kalangan mereka sendiri maka amal yang jahat itu terasa seperti amal soleh yang patut dibalas dengan Jannah al-Na'im.

Tidak peduli dikatakan zalim dan kejam oleh undang-undang dan kemanusiaan, sebab menurut perasaannya inilah satu keberanian, pembelaan, pembalasan dan membela diri daripada kerendahan atau membela keyakinan.

Orang yang fasik, yang siang malam melakukan maksiat tidak malu bahkan merasa mulia meriwayatkan fasiknya, ia berani memperlihatkan bahawa ia adalah lelaki atau perempuan yang pencariaannya dengan langkah yang salah. Ia bermegah-megah kerana dapat menggoda orang kaya dan orang yang berpangkat tinggi, dan ia memandang yang tidak sefaham dengan dia itu adalah orang kuno, yang tidak tahu kemajuan dunia.

Orang yang menipu dan memalsu, yang khianat dan korupsi merasa bahawa amalannya itu adalah satu kepintaran, kecerdikan sehingga lain orang dapat tertipu dan negara tidak dapat menangkap dia, walaupun menurut undang-undang salah.

Begitulah gambaran dan khayal yang kerap kali terkhayal dalam fikiran Banī Adam, dan bukan hanya mereka yang melakukan kejahatan sahaja, tetapi adakalanya umum pun terpengaruh, tidak sedikit orang yang memandang mulia kepada orang yang kaya dan orang-orang yang berpangkat tinggi, walau pun kekayaannya didapati dengan jalan yang tidak halal dan menghormati pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai tinggi walaupun mereka dapat

meningkat ke darjat yang tersebut itu dengan jalan khianat kepada anak buah atau rakyat.

Dan tidak sedikit yang merasa hina-dina kerana ia hanya sebagai guru sekolah rakyat atau sebagai kiyai, atau hanya sebagai saudagar, petani, babu, jongos dan lain-lain, dan memandang lain-lain pangkat itu lebih mulia, kerananya maka ia merasa kecil hati, dan terhalang jalan kemajuan bagi dirinya, kemuliaan yang hakiki bukan yang dimuliakan dan dipandang tinggi oleh orang ramai, tetapi kemuliaan hakiki ialah melakukan apa yang berguna, yang selamat dan amalannya itu lain-lain orang.

Dalam hadis diterangkan:

Orang-orang Islam itu, ialah yang menyelamatkan lain-lain orang daripada tangannya dan lidahnya, dan orang-orang yang beriman itu ialah orang yang mengamankan (amal dan perbuatannya) dengan lain-lain orang.

Segala keuntungan, dan semua kemajuan yang dihargakan oleh umum, tidak dapat kita katakan bahawa itu adalah kemuliaan yang hakiki, kalau cara mengusahakannya itu tidak halal, atau cara perjuangan itu tidak jujur.

Kita kembali lagi kepada riwayat tadi, iaitu lukisan yang menggambarkan bagaimana umat Islam mesti bergaul dan bermu'amalah. Mereka mendahulukan hukumnya, sebelum memiliki emas yang dalam tempayan itu, sebab dengan jalan melanggar hukum, maka segala bahan kemuliaan itu akan beralih menjadi bahan kerendahan yang merendahkan diri dan umat seluruhnya.

Seluruh persengketaan di dunia yang berlaku dari abad ke abad, segenap pertikaian antara manusia sesamanya, adalah akibat kerana salah mengkhayalkan kemuliaan yang hakiki. Mereka tidak merasa mulia dengan jalan bakti dan taat kepada Allah, akan tetapi mereka cari kemuliaan itu dengan jalan meniarap sujud di hadapan seri maharaja nafsu yang tidak mengenal batas, yang mengekang budi dan rohani.

Sedangkan menurut pandangan Allah bahawa orang yang sangat mulia itu ialah yang sangat taqwa.

(Sambungan daripada muka 12)

Tasik Ontario ialah 34 batu dan bercantum dengan sungai St. Lorenz nampaknya air dari tasik-tasik bersr akan tetap mengalir dan mencurah melalui Niagara masuk ke dalam Tasik Ontario terus ke dalam sungai St. Lorenz ke lautan Atlantik beberapa lama ke hadapan selagi air tasik-tasik itu tidak kering. Dan beberapa lama ke hadapan Niagara akan terus menjadi tempat lawatan sekalian orang yang ingin hendak melihat kejadian alam dan kemasyhurannya sebagai air terjun yang hebat lagi besar tidak akan luput. Sekainlah kisah lawatan saya ke Niagara.

“Ilmu itu lebih baik daripada harta kerana ilmu itu menjaga kamu tetapi sebaliknya kamu menjaga harta”
– kata baginda ‘Alī

Janganlah engkau ikut apa yang tidak tahu; kerana pendengaran, penglihatan dan hati, sekalian itu akan diperiksa darihal (ikutan) itu – al-Quran

Sahabat ibarat api. Kalau sedikit jadi bekal, kalau banyak jadi bahaya – kata Ibrahīm bin ‘Abbas

Kerapkali yang jadi musuh itu asalnya kawan oleh sebab itu wajib kita berhati-hati dan bercermat memilih sahabat – kata Muslim

Guru berkata: Sudah begini besar, masih engkau belum boleh membaca pada hal aku semasa lebih kecil daripadamu telah boleh membaca.

Murid: Boleh jadi, guru tuan guru ada lebih pandai daripada guru saya.